

D208

U B640 AAB
MAHATHIR - DEB

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENOLAK DAKWAAN KONONNYA DASAR EKONOMI BARU (DEB) MERUPAKAN PENGHALANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA YANG LEBIH BAIK.

PERDANA MENTERI BERKATA PENCAPAIAN EKONOMI NEGARA SEJAK DEB MULA DILAKSANAKAN PADA TAHUN 1971 TERNYATA BERTAMBAH BAIK BERBANDING KETIKA PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYA SATU DAN DUA SEJAK TAHUN 1956 HINGGA 1965.

KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN USUL KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) DI DEWAN RAKYAT HARI INI, BELIAU BERKATA PERANGKAAN JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA DEB BERJAYA MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BERBANDING PADA MASA DAHULU.

SAMBIL MEMETIK PERANGKAAN, BELIAU BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI TEMPOH 1956-1960 IALAH 4.1 PERATUS, LIMA PERATUS PADA (1960-1965), 5.4 PERATUS PADA 1965-1970, 6.6 PERATUS PADA 1971-1975, 8.5 PERATUS PADA 1976-1980 DAN MELESET SEDIKIT KEPADA 5.1 PERATUS PADA RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI DUNIA.

BELIAU JUGA MENAFIKAN KONONNYA DEB MENYEBABKAN MALAYSIA GAGAL MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC), BERLAKUNYA +BRAIN-DRAIN+ DARI MALAYSIA KE LUAR NEGERI, MEMBELAKANGKAN BUKAN BUMIPUTERA DAN MENGUNTINGKAN SEGELINTIR ORANG SAHAJA. -- LAGI
2023MST 03 07 89

D209

U B641 AAB
MAHATHIR - DEB 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI +BRAIN-DRAIN+, PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK TEPAT MENUDUH DEB SEBAGAI PUNCANYA KERANA DI SEBUAH NEGARA YANG 100 PERATUS PEMIMPINNYA KETURUNAN CINA, RAMAI JUGA ORANG-ORANG CINA YANG BERHIJRAH KE NEGARA-NEGARA LAIN SEPERTI AUSTRALIA DAN AMERIKA SYARIKAT.

KEPADA TUDUHAN DEB MENGENEPIKAN BUKAN BUMIPUTERA DAN MENGHALANG PERKEMBANGAN EKONOMI MEREKA, BELIAU MENGAJAK PEMBANGKANG, TERUTAMA DAP, BERBINCANG SECARA WARAS DENGAN KERAJAAN UNTUK MEMASTIKAN KEBENARAN TUDUHAN ITU.

+SAYA SENDIRI TERTARIK UNTUK MENGETAHUI SEJAUH MANAKAH BENARNYA TUDUHAN ITU DAN PERANGKAAN-PERANGKAAN MENGENAINYA DARIPADA PEMBANGKANG,+ TAMBAHNYA SAMBIL MEMINTA PEMBANGKANG TIDAK MEMBUAT TUDUHAN MELULU.

KEPADA PERTANYAAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG) MENGENAI INFLASI, BELIAU MENJELASKAN KADAR INFLASI SEBANYAK SATU PERATUS DI MALAYSIA PADA AWAL GEJALA INFLASI DI SELURUH DUNIA BOLAH DIANGGAP SEBAGAI TIDAK WUJUD INFLASI BERBANDING DENGAN KADAR 8 PERATUS SETAHUN DI NEGARA-NEGARA MAJU DAN 2,000 PERATUS DI KEBANYAKAN NEGARA AMERIKA LATIN.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA INFLASI DI MALAYSIA LEBIH MERUPAKAN INFLASI YANG DIIMPORT DAN DAPAT DIBENDUNG HANYA JIKA RAKYAT MENAHAN DIRI DARIPADA MEMBELI BARANGAN YANG DIIMPORT DAN JANGAN BERBELANJA MELEBIHI PENDAPATAN.

-- LAGI
2025MST 03 07 89

D210

U B642 AAB
MAHATHIR - DEB 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEDUDUKAN MATA WANG RINGGIT, PERDANA MENTERI BERKATA NILAI RINGGIT SEBENARNYA TIDAK JATUH DI DALAM NEGERI TETAPI TURUN HANYA BERBANDING DENGAN MATA WANG ASING.

KATANYA, UKURAN YANG JELAS DAN NYATA IALAH RAKYAT KINI MASIH DAPAT MEMBELI SESUATU BARANG DENGAN SEJUMLAH WANG YANG SAMA DENGAN JUMLAH YANG MEREKA BELANJAKAN UNTUK MEMBELI BARANG YANG SAMA PADA TAHUN-TAHUN LEPAS.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENGAKUI BAHAWA KADAR INFLASI NAIK SEDIKIT KEPADA KIRA-KIRA TIGA PERATUS SEKARANG KERANA, MENURUTNYA, NEGARA KINI SUDAH BERTAMBAH MAKMUR DAN RAKYAT BERBELANJA LEBIH.

MENGENAI NILAI MATA WANG RINGGIT DI PASARAN ANTARABANGSA, BELIAU BERKATA IA DITENTUKAN OLEH +THE BASKET OF CURRENCIES+ MALAYSIA DAN TIDAK LAGI BERGANTUNG HANYA KEPADA MATA WANG PAUN STERLING YANG MENJADI SANDARAN NILAI RINGGIT SATU MASA DULU.

MENGENAI KENAIKAN GAJI PEKERJA, KATANYA, IA BUKANLAH UNTUK MEMBENDUNG ATAU MENGIMBANGI INFLASI KERANA JIKA IA BERTUJUAN DEMIKIAN KADAR INFLASI AKAN TERUS MENINGKAT.

KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK LEE MENGENAI KESATUAN SEKERJA YANG BARU, MLO, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI KESATUAN SEKERJA BONEKA SEPERTI YANG DIPUNYAI OLEH DAP. -- BERNAMA 2028MST 03 07 89